

30 pelajar sertai pertandingan Final Year Project (FYP) Exhibition Day

BINTULU: Seramai 30 pelajar terdiri daripada 15 kumpulan menyertai pertandingan Final Year Project (FYP) Exhibition Day yang julung kali diadakan di Dewan Sidang, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) di sini, baru-baru ini.

Acara anjuran Jabatan Sains dan Teknologi (JSTEK) bersama Kelab Malaysian Society of Agricultural and Food Engineers - Student Chapter (MSAE-SC UPM Bintulu) itu bertujuan untuk mempamerkan

dan mempertandingkan hasil kerja projek tahun akhir bagi Program Diploma Kejuruteraan Teknologi Pertanian (DKTP), Jabatan Sains dan Teknologi, Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains.

Menurut kenyataan daripada UPMKB, pelajar terbabit merupakan pelajar semester lima yang seterusnya akan menyambung semester akhir mereka melalui latihan industri bersama agensi-agensi atau pihak industri berkaitan kejuruteraan pertanian di

seluruh negara.

"Pertandingan ini mendapat sambutan pelajar-pelajar UPMKB daripada pelbagai program bagi mendapatkan pendedahan berkenaan projek mini.

"Pertandingan ini juga diadakan bagi menggalakkan kewujudan idea atau projek inovasi yang berfokuskan kepada program Kejuruteraan Pertanian," katanya.

Difahamkan, projek akhir itu dinilai oleh seorang panel penyarah daripada Fakulti Sains

Pertanian dan Perhutanan, dua orang panel lagi adalah dari Pusat Pertanian Putra serta seorang panel industri.

"Pertandingan tersebut dinilai berdasarkan kandungan dan format poster serta pembentangan lisan oleh pelajar-pelajar.

"Terdapat 15 pingat yang telah dipertandingkan, antaranya, tiga pingat emas, tujuh pingat perak dan lima pingat gangsa," ujar kenyataan itu.

Sementara itu, Ketua Jaba-

tan Sains dan Teknologi (JSTEK), Gs. Dr. Hajjah Wan Nor Zanariah Zainol @ Abdullah dalam kenyataan tersebut berkata, program seumpama dapat mencungkil keupayaan dan kemahiran pelajar dalam menjalankan perancangan, pembangunan dan pengurusan projek.

Beliau berharap, program itu akan terus dijalankan pada masa akan datang untuk terus memberi semangat kepada pelajar dalam mendalami ilmu kejuruteraan.